

04 FEB 2001

Rumah Terbuka

PERDANA MENTERI TIBA UNTUK SAMBUTAN RUMAH TERBUKA TAHUN BARU CINA

PULAU PINANG, 4 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas petang ini untuk menghadiri sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina peringkat kebangsaan yang berlangsung di sini, hari ini.

Ketibaan beliau dan isteri kira-kira 6 petang ini disambut Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Haji Yahaya, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Yahaya Abdul Hamid dan barisan anggota Exco kerajaan negeri.

Sejurus tiba, Perdana Menteri dan isteri dijadualkan menghadiri jamuan teh bersama-sama anggota Exco kerajaan negeri dan Anggota Dewan Undangan Negeri di sebuah hotel di sini.

Dr Mahathir dan Siti Hasmah kemudian akan menghadiri sambutan rumah terbuka Tahun Baru Cina peringkat kebangsaan di sepanjang Lebuh Armenian/Lebuh Cannon, malam ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersama-sama beberapa menteri kabinet akan turut menyertai Perdana Menteri menghadiri sambutan itu.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon melancarkan sambutan Tahun Baru Cina peringkat kebangsaan anjuran Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan itu di sini, petang ini.

Kira-kira 30,000 orang termasuk pelancong asing menghadiri sambutan itu yang diadakan di kawasan istimewa yang menempatkan sebuah masjid tertua, sebuah tokong Cina tertua dan Kuil Hindu utama di negeri ini.

Pulau Pinang buat pertama kalinya dipilih sebagai tuan rumah bagi menganjurkan sambutan rumah terbuka peringkat kebangsaan itu.

Pelbagai acara menarik diatur sempena sambutan itu termasuk persembahan kebudayaan.

-- BERNAMA

NER NAK